

PM tiba di Davos hadiri Forum Ekonomi Dunia

DAVOS (Switzerland) 24 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini pada petang Selasa untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang bermula hari ini.

Ketibaan Abdullah di Lapangan Terbang Zurich, kira-kira dua jam perjalanan dengan kenderaan dari sini, disambut oleh Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Mohd. Yusof Ahmad.

Abdullah tiba di Hotel Morosani Schweizerhof di Davos Platz yang terletak di tengah-tengah bandar yang dikelilingi kawasan pergunungan ini kira-kira pukul 9 malam waktu tempatan.

Jadual sibuk Perdana Menteri bermula hari ini.

Tiga acara utama yang akan disertai Abdullah di WEF kali ini adalah ucapan pembukaannya di sesi pleno pada Khamis yang bertajuk *Rules for a global neighbourhood in a multicultural world*, sesi pleno mengenai *Asean's 40 years - a new future* pada Jumaat dan sesi pertemuan dengan para pemimpin dunia lain yang menghadiri WEF pada pagi Sabtu bagi membincangkan "hala tuju dasar AS susulan pilihan raya penggal pertengahan Kongres".

Dalam sesi pleno *Rules for a global neighbourhood in a multicultural world*, antara peserta yang turut terlibat termasuk bekas Presiden Iran, Mohammad Khatami dan Ketua Rabbi David Rossen, presiden

Uu-25/1/2007
Komuniti Yahudi Antarabangsa bagi Hubungan Antara Agama Amerika Syarikat.

Sesi ini akan membincangkan isu-isu utama yang berkaitan dengan dialog-dialog Barat-Islam yang berlangsung ketika ini dan sama ada satu tindakan padu perlu diambil untuk menyelesaikan perbezaan.

Perdana Menteri dijangka menjelaskan bahawa pelbagai konflik yang melanda Barat dan Islam ketika ini boleh ditangani jika sekiranya isu-isu ini diselesaikan secara adil dan saksama.

Semasa Abdullah memberi ucapan di International Institute for Strategic Studies di London awal minggu ini, beliau menekankan tentang pentingnya usaha untuk menyelesaikan isu Palestin.

Sementara itu, sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia untuk menonjolkan diri dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri akan menganjurkan majlis gala WEF pada malam Sabtu.

Majlis itu akan diserikan dengan persembahan pelbagai budaya, tayangan video yang bertajuk *Malaysia on the move* dan persembahan kebudayaan oleh artis-artis Malaysia.

Selain acara ini, Abdullah juga akan mengadakan banyak pertemuan dua hala dengan para pemimpin dunia dan ketua-ketua korporat yang turut menghadiri WEF.

- Bernama



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Mohd. Yusof Ahmad (kanan) dan pegawai-pegawai kedutaan Malaysia yang lain semasa memasuki Hotel Morosani Schweizerhof, sebaik tiba di Davos untuk menghadiri Forum Ekonomi Sedunia yang dijadual bermula hari ini.